



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 12 OGOS 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PROJEK PAM AIR TANGANI MASALAH PADI TENGGELAM, NEGARA, KOSMO - 14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	PROJEK PAM ELEKTRIK, STESEN PAM DIESEL BANTU ATASI SAWAH TENGGELAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 28	
3.	PURATA UMUR PETANI DI MALAYSIA KINI SEKITAR 60-an, LOKAL, HARIAN METRO – 16	LAIN-LAIN
4.	ASSOCIATION VOWS TO PUT M'SIAN DURIANS ON GLOBAL MAP, NATIONAL, THE SUN – 4	
5.	FELDA BUKAN SEKADAR PERLADANGAN, TETAPI HARAPAN SEKURITI MAKANAN, RENCANA, UTUSAN MALAYSIA – 15	
6.	TRADISI MENGEEMPING PADI MASIH MERIAH DI PINGGIR SUNGAI PAHANG, WARISAN.GAYA, UTUSAN MALAYSIA - 22	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2025	KOSMO	NEGARA	14

Projek pam air tangani masalah padi tenggelam

ARAU – Sebanyak tiga kawasan dikenal pasti bagi melaksanakan projek meningkatkan kecekapan pengurusan banjir melibatkan 1,100 pesawah di kawasan tanaman padi di negeri ini yang sering ditenggelami air akibat hujan lebat.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, kawasan itu melibatkan sawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Wilayah 1 seperti Kampung Telaga Haji Latif dan Kampung Telok di sini.

"Kejadian banjir pada November lalu menenggelamkan seluas 3,233 hektar sawah padi. Pihak MADA telah menyiapkannya kepada kerajaan negeri sebelum dibawa ke peringkat kementerian.

"Projek itu bertujuan mempercepat aliran keluar air banjir dari sawah dan kawasan penem-

patan, sekali gus mengurangkan kerosakan tanaman serta beban kewangan pesawah," katanya ketika ditemui pada lawatan tapak projek di sini semalam.

Antara komponen projek termasuk pemasangan sebuah stesen pam elektrik berkapasiti 10Q di Parit ARBDr-3, sebuah stesen pam diesel berkapasiti 5Q di Parit ARBDr. 2 dan 15 unit pam bergerak kecemasan.

Selain itu, Razali berkata, pro-

jek itu juga akan memastikan kemudahan tersebut mampu mempercepatkan aliran air di Kampung Telok ke Sungai Arau yang sebelum ini terpaksa disalurkan sejauh enam kilometer ke Sungai Perlis.

"Satu pintu air di Kampung Paloh akan dibina bagi mengawal aliran keluar masuk pengairan sawah untuk kawasan seluas 40 relung atau kira-kira 13 hektar.

"Harapan saya selepas ini

agar pesawah mematuhi jadual penanaman padi mengikut fasa MADA supaya pengeluaran padi dapat ditingkatkan," ujarnya.

Tambahnya, pematuhan ke-pada jadual itu bukan sahaja meningkatkan hasil, malah memudahkan MADA mengatur kawalan pengairan secara lebih sistematik.

"Projek ini dijangka bermula September ini dan diangka siap pada Mei 2026," katanya.

Projek pam elektrik, stesen pam diesel bantu atasi sawah tenggelam

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**
utusannews@mediamulla.com.my

ARAU: Beberapa tindakan segera akan dilakukan bagi mengurangkan impak masalah padi tenggelam setiap kali hujan lebat yang melibatkan hampir 3,233 hektar dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Guar Janji di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Perlis, Razali Saad berkata, ia melibatkan pembinaan sebuah stesen pam elektrik berkapasiti 10Q, sebuah stesen pam diesel 5Q dan penyediaan 15 pam bergerak kecemasan bagi menghadapi situasi banjir kilat atau hujan luar biasa.

Katanya, pelaksanaan projek itu dijangka bermula September ini dan selesai pada Mei tahun depan untuk memastikan aliran air keluar dari sawah dapat dipercepat supaya tanaman

padi tidak terjejas.

“Melalui pelaksanaan ini, kita berharap petani dapat membantu mengurangkan kesan banjir yang kebiasaan berlaku ekoran hujan lebat berterusan sekitar Mei hingga Jun dan September hingga November,” katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas tinjauan di Kampung Telaga Haji Latif, Kampung Telok serta Kampung Paloh.

Pada November tahun lalu, hujan lebat berterusan yang melebihi 100 milimeter (mm) selama beberapa hari telah menyebabkan 3,233 hektar tanaman padi di Wilayah I MADA Perlis ditenggelami air.

Kejadian itu menyebabkan kerosakan pada sebahagian besar tanaman, sekali gus menjejaskan 1,100 petani dan penduduk sekitar, malah ada di antaranya terpaksa menangung kos tambahan bagi tanaman semula.

Razali berkata, banjir sebelum ini memerlukan tindakan segera khususnya dalam mempercepatkan pelaksanaan projek naik taraf saliran di kawasan itu yang telah dirancang sejak beberapa tahun lalu.

“Stesen pam elektrik berkapasiti tinggi dan pam diesel itu akan dipasang di Parit ARBDr. 3 dan Parit ARBDr. 2 bagi mempercepatkan proses pengaliran keluar air dari kawasan tanaman.

“Selain itu, sebanyak 15 unit pam bergerak kecemasan akan ditempatkan di lokasi terpilih supaya dapat digerakkan dengan cepat ke kawasan terjejas,” katanya.

Katanya, susulan pelaksanaan itu, kerajaan negeri berharap agar semua petani dapat melakukan penanaman padi mengikut jadual ditetapkan bagi mengelakkan sebarang masalah.



RAZALI Saad (tiga dari kanan) meninjau kawasan padi tenggelam pada November tahun lalu ekoran hujan lebat di Kampung Telok, Arau, Perlis. -UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

TARIKH

12/8/2025

MEDIA

UTUSAN
MALAYSIA

RUANGAN

DALAM
NEGERI

MUKA
SURAT

28

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2025	HARIAN METRO	LOKAL	16

Purata umur petani di Malaysia kini sekitar 60-an

Kuala Lumpur: Kebergantungan negara terhadap lebih separuh golongan petani yang mamasuki usia 60 tahun ke atas perlu ditangani segera.

Pensyarah Jabatan Teknologi Pertanian, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Norida Mazlan berkata, peluang perlu dibuka dan dipermudahkan untuk laluan golongan muda menceburi sektor pertanian demi kelangsungan sekuriti makanan negara.

Norida berkata, dapatan Laporan Banci Pertanian 2024 Jabatan Perangkaan (DOSM) itu sama dengan hasil kajian beliau yang mendapati purata umur petani di Malaysia kini sekitar 60-an ke atas.

"Perubahan landskap sektor pertanian memerlukan inisiatif baharu yang lebih praktikal, moden dan mesra golongan muda supaya mereka melihat pertanian sebagai bidang kerjaya berdayasaing, bukan pekerjaan tradisional yang memenatkan.

"Penggunaan teknologi moden seperti automasi dan dron dalam pertanian semakin meluas. Contohnya di jelapang padi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut.

"Di IADA Barat Laut, ramai pemuda tempatan terbabit perkhidmatan ap-

likasi input pertanian menggunakan dron, malah kini ia dilaksanakan pada waktu lewat petang hingga awal malam untuk meningkatkan keberkesanan," katanya, semalam.

Selain itu, katanya, Program Agropreneur yang sudah wujud perlu diperluaskan dengan promosi lebih agresif termasuk pendedahan melalui video kejayaan usahawan tani, bagi menarik minat belia dan mengubah persepsi ibu bapa bahawa pertanian adalah perniagaan menguntungkan.

"Ibu bapa pengaruh utama anak. Mereka perlu diberi kefahaman teknologi terkini memudahkan pengurusan tanaman dan ternakan, sekaligus membuka peluang pendapatan lumayan," katanya.

Beliau menegaskan kerajaan perlu mempermudahkan prosedur latihan, permohonan tanah, pembiayaan dan maklumat pasaran kepada golongan muda selain mengurangkan kerenah birokrasi yang boleh melemahkan semangat menyertai program pertanian.

"Ramai agropreneur mampu menghasilkan hasil pertanian berkualiti, tetapi bergantung pada orang tengah hingga harga jualan diperoleh jauh lebih rendah daripada potensi sebenar. Pemasaran terus kepada pengguna perlu di giatkan," katanya.

Penggunaan teknologi moden seperti automasi dan dron dalam pertanian semakin meluas
Norida

Association vows to put M'sian durians on global map

➤ By leveraging the unique taste and quality, members aim to win over international consumers

■ BY MAHADHIR MONIHULDIN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: From *kampung* orchards to the world stage, Malaysia's durian is gearing up for its biggest performance yet and the Durian Manufacturers Association (DMA) wants to make sure the king of fruits wears the crown everywhere.

The association has renewed its pledge to put Malaysian durians on the global map, showcasing their diversity while promoting fair trade for the pungent delicacy.

DMA president Eric Chan said the association has 18 members, comprising durian farmers and product manufacturers who collectively command 75% of the local market.

"Uniting has not been an easy journey but we have persevered.

"We understand the importance of nurturing our durian sector not just for personal gain, but also for the nation's growth.

"Former rivals have become trusted allies, working together to advance the industry over the past decade," he told *theSun*.

Looking ahead, he said DMA is determined to make Malaysian durian a global icon, with five key pillars guiding its efforts.

The pillars include empowering growers with knowledge, resources and sustainable practices to ensure premium-quality produce, championing environmentally friendly farming methods and driving global recognition for Malaysian durians.

Chan added that DMA advocates fair trade practices, greater consumer awareness, and innovation through research and development.

"We are focused on expanding the export market for Malaysian durians.

"By leveraging the unique taste and quality, we aim to win over international consumers and cement Malaysian durians as the preferred choice worldwide," he said.

For those selling durian locally, the rewards can be just as sweet.

Durian seller Romi-Hidayat Zainintawa, 34, who runs three Durian Rizky outlets, said between 500 and 1,000 customers visit his stores daily, especially in the evenings after work.

"I am happy with sales this season but I want improved and better sales for the next season in December."

His stores stock all the local favourites - namely *Musang King*, *Black Thorn*, *Udang*



A group of Malaysian bikers enjoying durian in Thailand. —MASRY CHE ANI/THE SUN

WHICH ONE SHOULD I TRY?



Malaysian vs Thai

Malaysian durian usually costs more. Because we have a low subsidy which brings up the price.

"Our durian is naturally cheaper," he said. "We have a higher subsidy which brings up the price."

COST

Musang King is RM25-RM30 per kg.

Black Thorn is RM20-RM25 per kg.

Udang Merah is RM25-RM30 per kg.

Durian Kampung is RM15-RM20 per kg.

Musang King is RM25-RM30 per kg.

Black Thorn is RM20-RM25 per kg.

Udang Merah is RM25-RM30 per kg.

Durian Kampung is RM15-RM20 per kg.

Musang King is RM25-RM30 per kg.

Black Thorn is RM20-RM25 per kg.

Udang Merah is RM25-RM30 per kg.

Durian Kampung is RM15-RM20 per kg.

Musang King is RM25-RM30 per kg.

Black Thorn is RM20-RM25 per kg.

Udang Merah is RM25-RM30 per kg.

Durian Kampung is RM15-RM20 per kg.

Musang King is RM25-RM30 per kg.

Black Thorn is RM20-RM25 per kg.

Udang Merah is RM25-RM30 per kg.

Merah, *IOI*, *Hajar Asma*, *D-24*, *Kampung Kahwin* and more.

Musang King and *Udang Merah* are customer favourites, with *Udang Merah* priced between RM25 and RM30 per kilo and *Musang King* fetching between RM25 and RM45 per kilo.

Romi sources five to 10 tonnes of durian daily from farms in Johor, Perak and Selangor, earning between RM5,000 and RM10,000 a day during the season.

Out of season, his stores sell durian *cendol* using frozen leftovers, ensuring nothing goes to waste and keeping customers happy.

When asked what makes Malaysian durians special, Romi pointed to *Musang King*'s world-class reputation.

"Our soil is perfect for growing *Musang King*. They always turn out rich, delicious and appetising, perhaps even more so than in other countries," he said.

For durian lovers, the passion is personal.

Haiqal Ilham expressed hope to see durian continue to thrive as a beloved local treat and gain global appreciation.

"I have loved durian since childhood because my whole family enjoys it. We are always first in line when the season arrives," he said.

His top picks are *Musang King* and *Black Thorn*, which he says taste fresher and more flavourful here than anywhere else.

"I want Malaysian durian to be recognised globally so that people everywhere can appreciate just how amazing it is," he said.

Felda bukan sekadar perladangan, tetapi harapan sekuriti makanan



AHMAD
ISMAIL

LEMBAGA Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) wajar dijadikan model dalam menangani isu kemiskinan dan keterjaminan makanan negara memandangkan agensi ini memberi tumpuan kepada tanaman kelapa sawit dan getah yang terbukti menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara.

Sejak 1956, Felda membuka lebih 450,000 hektar tanah perladangan bagi menempatkan lebih 112,000 peneroka di seluruh negara. Setakat ini Felda merupakan penyumbang besar kepada pengeluaran minyak sawit mentah negara dan menyokong industri hiliran seperti biodiesel, makanan, kosmetik dan lain-lain. Sekarang pengeluaran getah sudah merosot dan bergantung kepada Thailand dan Vietnam.

Suatu ketika dahulu, Malaysia pernah muncul sebagai pengeluar getah utama dunia. Namun, dalam menghadapi cabaran semasa seperti perubahan iklim, ketidakpastian ekonomi global, serta kekurangan tenaga buruh yang menjelaskan produktiviti, Felda perlu merangka semula pelan strategik lebih mampan dan relevan. Pendekatan baharu ini haruslah selari dengan kemajuan teknologi, aspirasi generasi muda serta trend ekonomi semasa demi kelangsungan dan daya saing sektor perladangan negara.

Dengan perkembangan teknologi moden dalam bidang pertanian, Felda boleh terus menyumbang kepada bekalan makanan dan membantu negara daripada bergantung import makanan segar sayur-sayuran, buah-buahan serta makanan haiwan bagi memenuhi keperluan domestik.

Sayur-sayuran dan buah-buahan seperti cili, timun, terung, kacang panjang, halia, cendawan, bawang, kubis, bayam, kangkung, pisang, betik, jambu batu, mangga, avokado dan kelapa masih tidak mencukupi serta



LEMBAGA Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) boleh terus menyumbang kepada bekalan makanan dan membantu negara daripada bergantung import makanan bagi memenuhi keperluan domestik.

memerlukan tindakan segera untuk mencapai keperluan mahupun bagi mengurangkan import. Ia juga bagi menjamin sekuriti makanan negara dan menstabilkan harga bekalan. Peranan Felda dalam membantu menjamin bekalan makanan negara wajar dikaji dengan segera bagi merangka langkah yang lebih strategik dan berkesan.

Struktur organisasi Felda yang ada sekarang mampu membantu negara dalam keterjaminan makanan dan menstabilkan harga keperluan makanan segar. Pada 2021, nilai import bahan makanan (termasuk sayur dan buah) mencecah RM64 bilion, berbanding eksport RM39 bilion.

Program galakan peneroka menghasilkan makanan segar menerusi teknologi moden dan persekitaran terkawal yang menjimatkan ruang dan tenaga kerja wajar dirancang secara sistematik demi menjamin keberkesannya.

Pendekatan dan inisiatif pertanian moden melalui peneroka Felda mungkin berbeza dari segi ekosistem berbanding Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Seramai lebih 112,000 peneroka di seluruh 317 tanah rancangan Felda di 11 negeri boleh digerakkan

untuk program khas ini. Program ini bukan sahaja untuk peningkatan bekalan makanan segar tetapi juga dapat meningkatkan pendapatan peneroka melalui aktiviti pertanian moden dan keusahawanan.

PROGRAM KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN AWAM

Cadangan membangunkan program keterjaminan makanan di Felda boleh dirancang secara menyeluruh dengan mengambil kira kekuatan komuniti peneroka, sumber tanah dan jaringan institusi sedia ada. Antara program pertanian yang boleh dilaksanakan ialah integrasi penternakan dan akuakultur seperti penternakan ayam kampung, kambing, akuakultur ikan air tawar dan udang tempatan.

Program latihan dan bimbingan teknikal mesti dilakukan bersama Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk melahirkan petani moden dan usahawan tani. Cadangan ini juga perlu disertakan dengan dana permulaan dan skim geran yang sesuai bagi memulakan projek keterjaminan makanan secara kecil-kecilan. Kajian

tentang akuakultur ikan dan udang tempatan dari semua aspek biologi, makanan, penyakit, teknikal, ekonomi mahupun kelestarian mesti diaktifkan segera.

Bagi merencanakan penglibatan komuniti Felda, program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) perlu diperkasa secara lebih agresif, dengan penekanan terhadap aspek keselamatan dan keterjaminan makanan sihat serta amalan pertanian lestari demi kesejahteraan jangka panjang.

Semua lebih 300 sekolah di tanah rancangan Felda mesti menjalankan program CEPA keselamatan dan keterjaminan makanan dengan model-model pertanian moden seperti menggunakan sistem fertigasi dengan aplikasi kecerdasan buatan (AI), ekonomi kitaran dan model keusawanan.

Aktiviti kokurikulum melibatkan guru terlatih dan pihak ibu-bapa boleh dijalankan di sekolah. Pendekatan aktiviti CEPA menerapkan tajuk-tajuk dalam pembelajaran sains dalam kelas, mengaitkan dengan aplikasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), makanan sihat, dan keusahawanan. Program ini akan memberikan nilai-nilai murni, inovasi dan kreativiti kepada pelajar dan meyakinkan mereka dalam

industri kecil pertanian.

Teknologi fertigasi dalam tanaman sayur misalnya menggunakan kaedah pertanian moden yang menggabungkan pembajaan dan pengairan secara serentak dan automatik. Teknologi ini jika diterapkan di sekolah dan masyarakat Felda sebagai model pertanian moden akan membina trend baharu pertanian moden untuk buah-buahan dan sayur-sayuran.

Model CEPA di sekolah memberikan asas ilmu, pemikiran dan teknikal seperti yang digalakkan dalam program TVET negara. Dengan tanah yang luas, jaringan komuniti yang kukuh dan sokongan kerajaan, Felda berpotensi menjadi tulang belakang agromakanan negara, bukan sahaja dari segi pengeluaran tetapi juga kestabilan harga dan pengurangan import.

Pelajar yang dilatih melalui STEM dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) boleh membangunkan sistem fertigasi pintar yang menggunakan sistem penderia, AI, data analitik, rekabentuk sistem fertigasi dan sistem internet kebendaan (IoT) serta memahami keperluan tumbuhan, untuk menyiram tanaman secara automatik berdasarkan cuaca, faktor sekeliling dan keperluan sebenar.

Galakkan Felda dalam penanaman sayur dan buah-buahan tempatan membantu negara mengurangkan kebergantungan negara kepada import yang berjumlah RM60 bilion setahun, meningkatkan keupayaan pengeluaran makanan di peringkat komuniti Felda, melahirkan usahawan tani moden dan memupuk kesedaran tentang permakanan sihat serta pertanian lestari.

Program galakan tanaman sayur Felda juga menyokong Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), yang menekankan kepada sekuriti makanan dan nutrisi, pemodenan dan pertanian pintar, dan kelestarian alam sekitar.

DR. Ahmad Ismail ialah Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2025	UTUSAN MALAYSIA	WARISAN. GAYA	22

Tradisi mengemping padi masih meriah di pinggir Sungai Pahang

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
gaya@utusan.com.my

AKTIVITI membuat 'emping' atau mengemping merupakan warisan orang Melayu sinonim dengan kehidupan penduduk yang tinggal di kawasan sawah sejak zaman dahulu.

Warisan tersebut cukup signifikan untuk terus menyebarkan semangat ukhuwah dan kesatuan apabila penduduk beramai-ramai berderau melakukan aktiviti tersebut selepas musim menuai.

Masyarakat Melayu Kampung Gintong yang tinggal di pesisir Sungai Pahang, Jerantut antara yang masih mengekalkan warisan mengemping padi, iaitu satu proses menghasilkan makanan ringan untuk sajian bersama keluarga, jiran dan pengunjung selepas musim menuai.

Penduduk, Noraziah Kassim, 65, berkata, walaupun emping kini tidak lagi popular dalam kalangan generasi hari ini berbanding sebelum ini, warisan budaya orang Melayu di situ perlu sentiasa dihidupkan.

Ia bertujuan mencerminkan kehidupan petani di kawasan sawah yang harmoni dan kaya dengan semangat bergotong-royong.

"Setiap kali musim menuai berakhir, saya dan petani di sini akan berkumpul untuk buat emping. Padi daripada sawah seluas 200 hektar



NORAZIAH Kassim (duduk) sedang menunjukkan proses padi ditumbuk di dalam lesung indik sebelum menjadi emping. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

kami tuai dahulu, selepas itu barulah kami proses jadi emping untuk dimakan bersama keluarga dan jiran.

"Malah, emping ini turut dikenali dalam kalangan pengunjung termasuk wakil agensi kerajaan, pelajar universiti dan pelancong daripada luar yang singgah di kampung ini sebelum meneruskan perjalanan ke Taman Negara Kuala Tahan," katanya di Kampung Gintong, Jerantut baru-baru ini.

Warga emas itu berkata, selain ditumbuk untuk makanan keluarga, hasil tanaman ini juga disimpan di kepuk (padi) untuk dibuat emping ketika



HARIANI Zakaria sedang menggoreng padi sebelum dimasukkan ke dalam lesung indik antara proses membuat emping bagi penduduk di Kampung Gintong, Jerantut, Pahang.

keperluan bagi pihak Jawatan Kuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) menyambut dan meraikan pengunjung yang singgah di situ untuk melihat proses membuat emping.

Proses membuat emping yang mudah menyebabkan ia masih diteruskan dalam kalangan orang-orang tua, namun semakin kurang diminati oleh generasi muda hari ini.

"Padi yang baharu dituai akan direndam selama satu hingga dua hari dan air rendaman perlu ditukar setiap hari supaya padi kekal segar.

"Selepas itu, padi digoreng

menggunakan sudip buluh dan sabut kelapa hingga ia 'meletup' seperti berti, sebelum dimasukkan ke dalam lesung indik untuk ditumbuk," katanya.

Lesung indik atau lesung kaki, iaitu jenis lesung yang dipijak serentak oleh beberapa orang lelaki atau wanita digunakan untuk meleperkan padi menjadi emping dan ditampi sekali lagi untuk mengasingkan isi dan kulitnya.

"Di kampung ini, emping dimakan mengikut selera, sama ada dengan kuah santan dicampur gula kabung atau bersama kelapa

parut muda dan gula yang digaul bergantung amalan orang-orang tua di beberapa tempat," katanya.

ELAK DITELAN ZAMAN

Seorang lagi penduduk, Hariani Zakaria, 62, berkata proses menggoreng memerlukan padi dikacau tanpa henti dalam kuah panas sehingga kering sepenuhnya.

"Sekiranya tidak digoreng cukup panas, agak sukar mengasingkan 'bahan' atau kulit padi daripada isinya dan kemungkinan masih melekat selepas ditumbuk dan ditampi untuk mendapatkan emping," katanya.

Hariani yang juga merupakan pesawah kampung itu berkata, tidaklah sesukar mana untuk membuat emping dan dia hanya melihat orang-orang tua sebelum mencuba menghasilkannya sendiri.

Katanya, golongan muda perlu mempelajari cara membuat emping bagi mengekalkan warisan pesawah padi pupus ditelan zaman.

Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Shahrlul Nizam Harun, 46, berkata, aktiviti mengemping masih disuburkan oleh penduduk di situ kerana ada mengusahakan tanaman padi seluas 200 hektar berbanding tempat lain di negeri ini.

"Masyarakat di sini menyajikan emping ketika minum petang sesama keluarga dan jiran yang bertandang. Keunikan warisan mengemping kampung ini cukup dikenali oleh pengunjung luar kerana kampung ini antara destinasi pelancongan berasaskan budaya dan pertanian," katanya.

Ujarnya, aktiviti tersebut sudah sinonim sebagai acara tahunan pentadbiran daerah itu untuk menarik pengunjung dari dalam dan luar daerah yang ingin melihat sendiri proses pembuatan emping, selain memperkenalkan tradisi ini kepada generasi hari ini.



HARIANI Zakaria sedang menampi padi sebelum digoreng antara proses untuk membuat emping.